

PANDUAN PENGEMUKAAN BORANG CP107D [PINDAAN 2/2022] DAN LAMPIRAN CP107D(2) [PINDAAN 1/2023] UNTUK BAYARAN POTONGAN CUKAI 2% KE ATAS EJEN, PENGEDAR DAN PENGAGIH DI BAWAH SEKSYEN 107D AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967.

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) telah menyediakan borang terkini Lampiran CP107D(2)[Pindaan 1/2023]. Tujuan pindaan lampiran adalah untuk selaraskan pengiraan amaun potongan cukai 2%. Prosedur pengemukaan borang yang perlu dipatuhi oleh syarikat pembayar adalah seperti berikut:

A. PENGEMUKAAN BORANG DAN LAMPIRAN:

1. Syarikat pembayar dikehendaki mengisi Borang CP107D [Pindaan 2/2022] dan **Lampiran CP107D(2)[Pindaan 1/2023]** yang telah disediakan oleh LHDNM.
2. Borang dan lampiran yang lengkap diisi perlu dikemukakan melalui e-mel mengikut pusat bayaran seperti di bawah:

Pusat Bayaran	Alamat e-mel
Pusat Bayaran Kuala Lumpur	pbkl-cp107d@hasil.gov.my
Cawangan Kuching	pbkc-cp107d@hasil.gov.my
Cawangan Kota Kinabalu	pbkk-cp107d@hasil.gov.my

3. Pengemukaan borang dan lampiran hendaklah dihantar ke alamat e-mel di atas bagi bayaran di kaunter ataupun secara pos.
4. Pusat bayaran akan mengambil tindakan ke atas lampiran yang dikemukakan seperti berikut:
 - 4.1 Sekiranya lampiran yang dikemukakan adalah **lengkap**, pusat bayaran akan menghantar **Slip Pengesahan Penghantaran Lampiran 107D(2)** melalui e-mel kepada syarikat pembayar; atau
 - 4.2 Sekiranya lampiran yang dikemukakan **tidak lengkap**, pusat bayaran akan mengembalikan lampiran tersebut melalui e-mel kepada syarikat pembayar.

B. PENGEMUKAAN BAYARAN

1. Syarikat pembayar hanya boleh membuat bayaran di kaunter bayaran atau secara pos setelah menerima **Slip Pengesahan Penghantaran Lampiran 107D(2)** daripada pusat bayaran.
2. Sila lampirkan dokumen berikut semasa membuat bayaran di kaunter/pos :
 - a. Slip Pengesahan Penghantaran Lampiran 107D(2);
 - b. Borang CP107D [Pindaan 2/2022];
 - c. Lampiran CP107D(2) [Pindaan 1/2023]; dan
 - d. Instrumen bayaran (cek/ bank draf).
3. Amaun bayaran **mestilah bersamaan** dengan jumlah amaun potongan S107D (2%) seperti di Slip Pengesahan Penghantaran Lampiran 107D(2).
4. Amaun bayaran yang berbeza akan **ditolak** oleh pusat bayaran dan akan dikembalikan kepada syarikat pembayar.
5. Kaunter pusat bayaran akan mengeluarkan resit bayaran sekiranya bayaran yang dikemukakan adalah tepat.

Tarikh Kemaskini : 13 Januari 2023